

# USIM tanam 200 pokok

**200** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melancarkan program kelestarian kampus dengan menanam 200 pokok di pekarangan Dewan Kuliah Pusat 3, USIM, di sini.

Kempen itu mendapat sokongan TISCO Malaysia yang menyumbangkan 50 pokok untuk ditanam di sekitar kampus berkenaan.

Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, program kelestarian dan kesedaran alam sekitar penting bagi membina semangat dan memupuk bangsa yang aktif menjaga

alam sekitar.

Katanya, pihaknya mengambil pendekatan proaktif mewujudkan kampus lestari sebagai suatu permulaan ke arah aspek kelestarian dan kesedaran alam sekitar.

"USIM kali pertama menyertai penilaian kelestarian di peringkat universiti antarabangsa tahun lalu dan kini memberikan fokus kepada penilaian kelestarian kampus serta pengurusan persekitaran.

"Malah, USIM menduduki tangga ke-235 daripada 360 universiti yang menyertai program itu. Ini memberi

petunjuk bahawa aspek penambahbaikan kelestarian dan pengurusan alam sekitar kampus termasuk pembersihan tasik, trek jogging dan berbasikal memberi Impak positif," katanya selepas melancarkan program itu.

Turut hadir, Pengarah Hal Ehwal Korporat TISCO Datuk Azlam Shah Alias, Timbalan Naib Canselor USIM Prof Dr Zulkiple Abdul Ghani dan Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian dan Kesedaran Alam Sekitar USIM Prof Madya Dr Awangku Abdul Rahman Awangku Yusuf.



DR Musa (kiri) menanam pokok sambil diperhatikan Azlam Shah (dua dari kiri).